

30 SEP 2000

MTEN-PERBANDINGAN/I

HARGA PETROL MALAYSIA KEDUA TERENDAH DI RANTAU INI, KATA MTEN

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Malaysia terus menikmati harga petrol yang kedua paling rendah di rantau ini, selepas Indonesia, di mana seperti Malaysia, harga-harga disubsidi dan dikawal oleh kerajaan.

Dalam perbandingan harga serantanya yang disiarkan dalam laman webnya hari ini, Malis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata harga petrol di Singapura adalah yang tertinggi di rantau ini, diikuti oleh Thailand, Filipina, Brunei, Malaysia dan Indonesia.

Menurut perbandingannya yang terbaru, petrol di Singapura berharga RM3.29 (S\$1.499) seliter, Thailand RM1.52 (16.79 baht), Filipina RM1.43 (16.49 peso) dan Brunei RM1.16 (B\$0.53).

Di Malaysia, harga petrol dikawal pada RM1.10 sen seliter manakala harga terkawal di Indonesia ialah RM0.47 (1,000 rupiah) seliter.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata kenaikan harga petroleum akan diumumkan setelah kerajaan selesai membuat kajiannya mengenai perkara tersebut.

Beliau menegaskan bahawa kenaikan harga ini tidak dapat dielakkan memandangkan subsidi besar yang terpaksa diberikan oleh kerajaan dengan kenaikan harga minyak mentah dan kenaikan ini adalah berpatutan dan tidak membebankan orang ramai.

MTEN berkata perbandingan tersebut juga sama bagi harga diesel.

Di Singapura, harga diesel ialah RM1.46 (S\$0.665) seliter, Thailand RM1.32 (14.64 baht), Filipina RM1.10 (13.09 peso) dan Brunei RM0.68 (B\$0.31).

"Di Malaysia, harga runcit diesel, yang juga merupakan barang kawalan, ialah RM0.65 seliter manakala harga runcit diesel di Indonesia ialah RM0.21 (450 rupiah) seliter," tambah MTEN.

Bagi Gas Petroleum Cecair (LPG), harga tertinggi di rantau ini adalah juga di Singapura di mana harga runcit bahan api tersebut ialah RM3.03 (S\$1.383) sekilogram, diikuti oleh Filipina RM2.20 (220 peso), Brunei RM1.56 (B\$0.71) dan Thailand RM1.09 (12 baht).

LPG Malaysia yang dikecualikan cukai, dijual pada harga runcit RM1.18 sekilogram manakala di Indonesia, harga runcitnya ialah RM0.67 (1,440 rupiah).

Menurut MTEN Indonesia dijangka menaikkan harga petroleum bulan depan apabila melaksanakan cadangan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) untuk menghapuskan subsidi petroleum.

"Kenaikan yang dijangkakan ialah dalam lingkungan 12 peratus," tambahnya.

-- BERNAMA

MOT FR KY MA